A **LEMBAGA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**

lwn.

CEKAL PEDOMAN SDN BHD & YANG LAIN

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
ZAKARIA SAM H
[RAYUAN SIVIL NO: 12B-555-2010]
27 DISEMBER 2011

C ***UNDANG-UNDANG SYARIKAT:*** *Pengarah - Liabiliti - Kegagalan caruman - Sama ada pengarah menarik diri sebagai pengarah - Sama ada notis penukaran difailkan dengan pendaftar syarikat - Sama ada sijil pendaftar merupakan keterangan prima facie bahawa responden masih merupakan pengarah - Sama ada beban terletak atas pengarah untuk memastikan notis penukaran baru telah difailkan - Sama ada s. 141(8) Akta*
D *Syarikat 1965 tidak terpakai untuk tuntutan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 - Sama ada pengarah bertanggungjawab*

Responden pertama ('D1') sebagai majikan telah gagal untuk membayar caruman KWSP pekerja-pekerjanya bagi tempoh Januari 2001 hingga
E Disember 2011, Februari 2002 hingga November 2002 dan Januari 2003 hingga Mei 2003 yang berjumlah RM55,084. Tuntutan perayu adalah terhadap responden sebagai pengarah kepada D1 yang telah gagal membayar caruman tersebut. Notis tuntutan untuk bayaran wang caruman dividen dan faedah yang tertunggak tersebut bertarikh 30 Jun 2004 telah dihantar kepada responden. Walau bagaimanapun, menurut
F responden, beliau telah menulis surat kepada D1 memberitahu niatnya untuk menarik diri sebagai pengarah D1 mulai 5 Januari 2001 dan tidak lagi terlibat dalam urusan D1 selepas itu. Responden juga berhujah bahawa adalah tanggungjawab utama D1 sebagai majikan untuk membayar caruman KWSP, dividen dan faedah, manakala, tanggungan
G responden sebagai pengarah D1 hanyalah tanggungjawab sekunder sahaja. Sebaliknya, perayu menegaskan bahawa menurut carian rasmi syarikat yang dibuat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia ('SSM'), notis penukaran ('Borang 49') dan Sijil Pendaftar ('Borang 50') Akta Syarikat 1965 menunjukkan bahawa responden masih seorang pengarah D1 pada
H masa yang berkenaan. Hakim Mahkamah Sesyen mengakui bahawa Borang 50 bertarikh 3 Mei 2010 adalah keterangan *prima facie* bahawa responden adalah pengarah D1 seperti yang diperuntukkan di bawah s. 141(8) Akta Syarikat 1965. Walau bagaimanapun, beliau telah memutuskan bahawa: (i) responden telah berjaya membuktikan bahawa
I beliau telah meletakkan jawatan sebagai pengarah dan s. 141(8) hanya terpakai di bawah Akta Syarikat sahaja dan bukan untuk tuntutan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 ('Akta KWSP');

dan (ii) adalah menjadi tanggungjawab D1 di bawah s. 141(6) Akta Syarikat 1965 untuk mendaftarkan Borang 49 dengan SSM bagi memaklumkan bahawa responden telah meletakkan jawatan sebagai pengarah. Oleh itu, hakim bicara memutuskan bahawa peruntukan s. 141(8) Akta Syarikat 1965 telah berjaya disangkal oleh responden. Dengan itu, Hakim Mahkamah Sesyen menolak tuntutan perayu terhadap responden. Oleh itu, rayuan ini. Isu-isu yang dikemukakan untuk pertimbangan mahkamah adalah (i) sama ada s. 141(8) Akta Syarikat 1965 hanya boleh digunapakai di bawah Akta Syarikat dan bukannya terhadap tuntutan di bawah Akta KWSP; (ii) sama ada responden masih merupakan pengarah D1 walaupun tiada Borang 49 difailkan dengan pendaftar syarikat; dan (iii) sama ada hakim bicara terkhilaf apabila gagal mengambilkira tujuan penggubalan peruntukan s. 141 Akta Syarikat 1965 oleh Parlimen.

Diputuskan (membenarkan rayuan dengan kos):

(1) Hakim bicara terkhilaf apabila menggunakan prinsip '*generalia specialibus non derogant*' dan memutuskan bahawa s. 141(8) Akta Syarikat 1965 tidak terpakai terhadap tuntutan perayu. Pemakaian s. 141(8) dalam kes ini tidak menimbulkan sebarang konflik dengan Akta KWSP dalam isu perletakan jawatan responden memandangkan Akta KWSP senyap dalam isu ini. (perenggan 13)

(2) Berdasarkan peruntukan s. 141(6)(b) dan (8) Akta Syarikat 1965, notis pertukaran melalui Borang 49 haruslah difailkan dengan pendaftar syarikat untuk memaklumkan sebarang perletakan jawatan atau pertukaran pengarah syarikat. Walaupun responden mendakwa beliau telah meletakkan jawatan sebagai pengarah D1 melalui suratnya yang bertarikh 5 Januari 2001, tiada Borang 49 yang menunjukkan perletakan jawatan responden telah difailkan dengan Pendaftar Syarikat sepertimana yang diperuntukkan di bawah s. 141(8). Oleh itu, responden masih dianggap menjadi pengarah D1. (perenggan 15, 16 & 18)

(3) Beban terletak atas responden untuk memastikan Borang 49 baru difailkan oleh D1. Penyerahan surat perletakan jawatan tidak secara otomatik melepaskan tanggungjawab responden sebagai pengarah. Dalam kes *NKM Holdings Sdn Bhd v. Pan Malaysia Wood Bhd*, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa peranan utama mahkamah bukanlah hanya untuk mentafsir tetapi juga untuk menguatkuasakan undang-undang yang digubal oleh Parlimen. Justeru, dengan ketiadaan Borang 49 baru atau yang didaftarkan dengan pendaftar syarikat, responden masih dianggap sebagai pengarah D1 dan tuntutan perayu terhadap responden adalah sah. (perenggan 21, 23 & 25)

Kes-kes yang dirujuk:
HSBC Bank Malaysia Bhd v. Tirathrai Sdn Bhd [2009] 1 CLJ 286 HC ***(dirujuk)***
Krishnadas Achutan Nair & Ors v. Maniyam Samykano [1997] 1 CLJ 636 FC ***(dirujuk)***
NKM Holdings Sdn Bhd v. Pan Malaysia Wood Bhd [1986] 1 LNS 79 SC ***(dirujuk)***
PP v. Ayar & Ors [2010] 9 CLJ 1006 HC ***(dirujuk)***
Re Tan Ah Poi, Ex P Multi Purpose Finance Bhd [1999] 2 CLJ 694 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Companies Act 1965, s. 141(6)(b), (8)
Employees Provident Fund Act 1991, s. 64
Fisheries Act 1985, s. 47D

Bagi pihak perayu - Rusmin Alwani Shukery; T/n Rusmin Ida & Taryna
Bagi pihak responden - Malkit Singh Randhawa Dalip Singh; T/n Malkit Singh Randhawa Baidura & Co

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Zakaria Sam H:

Rayuan

[1] Ini adalah rayuan yang dikemukakan oleh perayu/plaintif ('plaintif') ke atas penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen yang menolak tuntutan mereka terhadap responden/defendan keempat ('responden').

Fakta Kes

[2] Defendan pertama ('D1') sebagai majikan telah gagal untuk membayar caruman KWSP pekerja-pekerjanya bagi tempoh Januari 2001 hingga Disember 2011, Februari 2002 hingga November 2002 dan Januari 2003 hingga Mei 2003 berjumlah RM55,084 sepertimana yang dinyatakan di dalam Sijil Perakuan Tuntutan Yang Kena Dibayar di bawah s. 64 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ('Akta KWSP') dan sepertimana yang dibutirkan di dalam Borang E (di ms. 41-47 rekod rayuan).

[3] Tuntutan plaintif ini adalah terhadap responden sebagai pengarah kepada D1 yang telah gagal membayar caruman tersebut. Notis tuntutan untuk bayaran wang caruman dividen dan faedah yang tertunggak tersebut bertarikh 30 Jun 2004 telah dihantar kepada responden.

[4] Semasa perbicaraan pihak-pihak telah bersetuju tuntutan ini diputuskan melalui persoalan undang-undang, tidak melalui perbicaraan penuh.

[5] Isu undang-undang yang dipersetujui untuk diputuskan ialah – adakah responden seorang pengarah syarikat D1 pada masa yang berkenaan.

Hujahan Plaintif

[6] Plaintif berhujah responden masih menjadi pengarah D1 berdasarkan kepada fakta-fakta berikut:

(a) Carian rasmi syarikat yang dibuat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bertarikh 2 Jun 2004 dan Borang 49 bertarikh 6 Mac 2000 (di ms. 103-110 rekod rayuan – carian rasmi pertama);

(b) Carian rasmi syarikat yang dibuat dengan SSM bertarikh 30 November 2007 dan Borang 49 bertarikh 15 Disember 2003 (di ms. 132-142 rekod rayuan – carian rasmi kedua);

(c) Carian rasmi syarikat yang dibuat dengan SSM bertarikh 7 Mei 2010 dan Borang 49 bertarikh 6 Mac 2000, 31 Mac 2000, 1 November 2002, 26 Ogos 2003 dan 15 Disember 2003 (di ms. 144-164 rekod rayuan – carian rasmi ketiga); dan

(d) Sijil Pendaftar (Borang 50) Akta Syarikat 1965 bertarikh 13 Mei 2010 (di ms. 165-166 rekod rayuan),

menunjukkan responden masih menjadi pengarah D1.

Hujahan Responden

[7] Responden pula berhujah adalah tanggungjawab utama (primary duty) D1 sebagai majikan untuk membayar caruman KWSP, dividen dan faedah kerana majikan yang menggaji pekerja. Tanggungan responden yang menjadi pengarah D1 pada masa yang material hanyalah secondary sahaja. Menurut responden, beliau telah menulis surat kepada D1 memberitahu niatnya untuk menarik dari menjadi pengarah D1 mulai 5 Januari 2001 (lihat ms. 172 dan 173 rekod rayuan) dan tidak lagi terlibat dalam urusan D1 selepas itu.

Penghakiman Hakim Perbicaraan

[8] Di dalam alasan penghakiman yang bertarikh 23 Ogos 2010 (di ms. 24-28 rekod rayuan), hakim perbicaraan walaupun mengakui bahawa Sijil Pendaftar bertarikh 3 Mei 2010 (di ms. 169 rekod rayuan) adalah keterangan *prima facie* bahawa responden adalah masih pengarah D1 seperti yang diperuntukkan di bawah s. 141(8) Akta Syarikat (AS), bagaimanapun beliau telah memutuskan:

(i) Responden telah berjaya membuktikan bahawa beliau telah meletakkan jawatan sebagai pengarah melalui surat perletakan jawatan bertarikh 5 Januari 2001 yang dialamatkan kepada D1 dan Setiausaha D1 (di ms. 172-173 rekod rayuan).

(ii) s. 141(8) AS hanya terpakai di bawah Akta Syarikat sahaja dan bukan untuk tuntutan di bawah Akta KWSP.

(iii) Adalah menjadi tanggungjawab D1 bukannya responden di bawah s. 141(6) AS untuk mendaftarkan Borang 49 baru atau notis penukaran dengan SSM bagi memaklumkan bahawa responden telah meletakkan jawatan sebagai pengarah.

(iv) Justeru itu, s. 141(8) AS yang menganggap Sijil Pendaftar adalah keterangan *prima facie* terhadap responden adalah pengarah Dl telah berjaya disangkal (rebutted) oleh responden walaupun tiada Borang 49 atau notis penukaran atau perletakan jawatan pengarah didaftarkan dengan SSM.

Keputusan

Isu Pertama: Sama Ada s. 141(8) AS Hanya Boleh Digunapakai Di Bawah Akta Syarikat Dan Bukannya Terhadap Tuntutan Di Bawah Akta KWSP

[9] Hakim perbicaraan telah terkhilaf apabila mengatakan bahawa s. 141(8) AS hanya boleh digunapakai di bawah Akta Syarikat dan bukannya terhadap tuntutan di bawah Akta KWSP.

[10] Isu yang dibicarakan adalah sama ada responden masih merupakan seorang pengarah D1 berdasarkan kepada Sijil Pendaftar bertarikh 13 Mei 2010 dan carian-carian rasmi syarikat D1 serta Borang-Borang 49 yang masih menamakan beliau sebagai pengarah D1 yang mana undang-undang berkaitan isu tersebut adalah termaktub di bawah Akta Syarikat 1960, di mana Akta KWSP adalah senyap (silent) mengenai isu tersebut.

[11] Bilakah perletakan jawatan responden sebagai pengarah D1 berkuatkuasa atau sama ada responden masih merupakan pengarah D1 adalah satu isu mengenai undang-undang syarikat yang tidak diperuntukkan di bawah Akta KWSP. Maka dengan itu, Akta Syarikat 1965 menjadi undang-undang asas dalam penentuan isu tersebut.

[12] Di dalam kes *PP v. Ayar & Ors* [2010] 9 CLJ 1006; [2010] 4 MLJ 400 isu yang ditimbulkan adalah sama ada Kanun Tatacara Jenayah boleh digunapakai terhadap kesalahan di bawah s. 47D Akta Perikanan 1985 memandangkan Akta Perikanan adalah senyap (silent) mengenai undang-undang siasatan jenayah. Mahkamah dalam menjawab persoalan ini telah memutuskan bahawa:

> [17] Section 3 of the CPC lays down the general rule that all offences under the Penal Code as well as all offences in statute other than the Penal Code must be inquired into and tried according to the same provisions of the CPC. However, if a particular written law, for instance, a statute which lays down a special procedure of trial or investigation governing offences committed under that statute, then the statute shall prevail over the CPC. This is the principle of *generalia specialibus non derogant*: a specific provision in a specific statute overrides a general provision in a general statute. [18] If, on the other is hand, the particular statute which is supposed to regulate the manner of investigation or trial is silent on the procedure to be followed in an investigation, the procedure laid down in the CPC shall then be applicable.

[13] Adalah jelas di sini hakim perbicaraan telah terkhilaf apabila menggunakan prinsip '*generalia specialibus non derogant*' dan memutuskan bahawa s. 141(8) AS tidak terpakai terhadap tuntutan perayu. Pemakaian s. 141(8) AS di dalam kes ini tidak menimbulkan sebarang konflik dengan Akta KWSP dalam isu perletakan jawatan responden, memandangkan Akta KWSP senyap (silent) dalam isu ini.

Isu Kedua: Sama Ada Responden Masih Merupakan Pengarah D1 Walaupun Tiada Borang 49 Akta Syarikat Yang Menunjukkan Perletakan Jawatan Responden Difailkan Dengan Pendaftar Syarikat

[14] Untuk kemudahan dipetik peruntukan yang relevan di bawah s. 141 AS berkaitan dengan perletakan jawatan seorang pengarah syarikat:

> (1) Every company shall keep at its registered office a register of its directors, managers and secretaries.
>
> …
>
> (6) The company shall lodge with the Registrar:
>
> (a) …
>
> (b) within one month after a person ceases to be, or becomes, a director of the company, a return in the prescribed form notifying the Registrar of the change and containing, with respect to each then director of the company, the particulars required to be specified in the register;
>
> …
>
> (7) If default is made in complying with this section the company and every officer of the company who is in default shall be guilty of an offence against this Act.
>
> Penalty: One thousand ringgit. Default penalty.

A (8) A certificate of the Registrar stating that from any return lodged with the Registrar pursuant to this section it appears that at any time specified in the certificate any person was a director, manager or secretary of a specified company shall in all courts and by all persons having power to take evidence for the purposes of this Act, be received as *prima facie* evidence of the
B facts stated therein and for the purposes of this subsection a person who appears from any return so lodged to be a director, manager or secretary of a company shall be deemed to continue as such until a subsequent return so lodged or by a notification of change in the prescribed form so lodged it appears that he has ceased to be such a director, manager or secretary.
C

[15] Berdasarkan kepada s. 141(6)(b) dan (8) AS, sekiranya terdapat perletakan jawatan pengarah sesebuah syarikat maka suatu notis pertukaran melalui Borang 49 (di bawah Companies Regulations 1966) haruslah difailkan atau didaftarkan dengan pendaftar syarikat untuk
D memaklumkan tentang perletakan jawatan atau pertukaran pengarah syarikat tersebut.

[16] Hakim perbicaraan telah terkhilaf memutuskan bahawa responden bukan lagi pengarah D1 kerana Borang 49 yang ada menunjukkan responden masih menjadi pengarah D1.
E

[17] Adalah kehendak s. 141(6) AS bahawa sekiranya terdapat perletakan jawatan pengarah sesebuah syarikat maka satu Borang 49 yang baru haruslah difailkan atau didaftarkan dengan pendaftar syarikat untuk memaklumkan tentang perletakan jawatan pengarah tersebut.

F **[18]** Walaupun responden mendakwa beliau telah meletakkan jawatan sebagai pengarah D1 melalui suratnya yang bertarikh 5 Januari 2001, ketiadaan sebarang Borang 49 yang menunjukkan perletakan jawatan responden telah difailkan dengan pendaftar syarikat sepertimana yang diperuntukkan di bawah s. 141(8). Kewujudan Sijil Pendaftar bertarikh
G 13 Mei 2010 di bawah 141(8) AS yang menunjukkan responden sebagai pengarah yang dinamakan di dalam carian rasmi pertama, kedua dan ketiga serta di dalam Borang 49 pertama, kedua dan ketiga, responden masih dianggap menjadi pengarah D1 (shall be deemed to continue as such).

H **[19]** Di dalam kes *HSBC Bank Malaysia Bhd v. Tirathrai Sdn Bhd* [2009] 1 CLJ 286; [2009] 7 MLJ 168 Mohd Hishamudin H telah memutuskan (di ms. 309 para 78 (CLJ); ms. 140 para 79 (MLJ)):

I As correctly submitted by learned counsel for the plaintiff, the resignation of the directorship of the fourth and fifth respondents (if any) does not take effect until the amended Form 49 is lodged with the Registrar of Companies (see section 141(8) of Companies Act 1965). Third parties would not be aware of the changes in the officers of the company unless the Form 49 has been filed.

[20] Peruntukan s. 141(8) AS secara spesifiknya diwujudkan untuk memaklumkan pihak ketiga atau orang awam yang berurusan dengan sesuatu syarikat mengenai pertukaran kedudukan organisasi sesuatu syarikat itu. Justeru itu, s. 141(8) memperuntukkan satu Borang 49 yang baru hendaklah difailkan dengan Pendaftar Syarikat/SSM untuk menunjukkan perletakan jawatan seseorang pengarah tersebut.

[21] Penyerahan surat perletakan jawatan responden kepada D1 adalah urusan dalaman di antara D1 dan responden. Adalah beban di atas responden untuk memastikan Borang 49 baru difailkan oleh D1. Penyerahan surat perletakan jawatan tidak secara otomatik melepaskan tanggungjawab responden sebagai pengarah. Perletakan jawatan perlu D1. Jelas sekali responden bersikap lepas tangan di sini. Mahkamah tidak akan menolong orang yang tidur di atas haknya.

Isu Ketiga: Sama Ada Hakim Perbicaraan Telah Terkhilaf Apabila Telah Gagal Mengambil Kira Tujuan Penggubalan Peruntukan s. 141 AS Oleh Parlimen

[22] Di dalam kes *Krishnadas Achutan Nair & Ors v. Maniyam Samykano* [1997] 1 CLJ 636; [1997] 1 MLJ 94 Mahkamah Persekutuan telah memutuskan (di ms. 645 (CLJ); ms. 100-101 (MLJ)):

> The function of a court when construing an Act of Parliament is to interpret the statute in order to ascertain legislative intent primarily by reference to the words appearing in the particular enactment. *Prima facie*, every word appearing in an Act must bear some meaning. For Parliament does not legislate in vain by the use of meaningless words and phrases. A judicial interpreter is therefore not entitled to disregard words used in a statute or subsidiary legislation or to treat them as superfluous or insignificant. It must be borne in mind that:
>
> > As a general rule a court will adopt that construction of a statute which will give some effect to all of the words which it contains. (Per Gibbs J in *Beckwith v. R* [1976] 2 ALR 333 at p. 337).
>
> See also *Commonwealth v. Baume* [1905] 2 CLR 405 at p 414, per Griffith CJ.
>
> Where it is impossible to give a full and accurate meaning to every word appearing in a section of a statute, the duty of the court is to give the words an interpretation "that produces the greatest harmony and the least inconsistency": *Australian Alliance Assurance Co Ltd v. Attorney-General (Queensland)* [1916] QSR 135 at p. 161, per Cooper CJ.

[23] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *NKM Holdings Sdn Bhd v. Pan Malaysia Wood Bhd* [1986] 1 LNS 79; [1987] 1 MLJ 39 telah memutuskan bahawa:

A

> It must always be borne in mind that we are Judges, not legislators. The constitutional function of the courts is not only to interpret but also to enforce the laws enacted by Parliament. In enforcing the law we must be the first to obey it. It should be noted that the power of a Court to proceed in a particular course of administering justice, was one of substance and not merely of form. The duty of the Court, and its only duty, is to expound the language of the Act in accordance with the settled rules of construction. The Court has nothing to do with the policy of any Act which it may be called upon to interpret.

B

[24] Di dalam kes *Re Tan Ah Poi, Ex P Multi Purpose Finance Bhd* [1999] 2 CLJ 694 Abdul Malik Ishak H (pada masa itu) memutuskan:

C

> Donaldson MR in *Corocrafts v. Pan-Am* [1969] 1 QB 616 at p. 638 said that 'the duty of the courts is to ascertain and give effect to the will of Parliament as expressed in its enactment'. It is also the court duty to interpret an Act 'according to the intent of them that made it' (*Maunsell v. Olins* [1974] 3 WLR 835 at p. 838) ... Tindal CJ said in *Warburton v. Loveland* [1832] 2 D & C1 (HL) 480, 489:
>
> > Where the language of an Act is clear and explicit, we must give effect to it, whatever may be the consequences, for in that case the words of the statute speak the intention, of the legislature.

D

E

Kesimpulan

[25] Berdasarkan alasan-alasan di atas, ketiadaan Borang 49 baru atau notis penukaran didaftarkan dengan Pendaftar Syarikat responden masih dianggap sebagai pengarah D1. Tuntutan perayu ke atas responden adalah sah.

F

[26] Dengan ini rayuan perayu/plaintif dibenarkan dengan kos RM3,000.

G

H

I